

KEBERKESANAN PENGGUNAAN POWERPOINT TERHADAP PENGUASAAN KONSEP SAINS BAGI MURID TAHUN 5

Oleh

Ngin Wei Haw
nginweihaw@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauh manakah keberkesanan kaedah penggunaan PowerPoint dalam meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 Cerdik dalam mata pelajaran Sains. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 3 orang murid dari Tahun 5 Cerdik dimana 3 orang murid tersebut telah gagal dalam subjek Sains bagi Penilaian Kurikulum Sekolah Rendah (PKSR) yang lepas. Data dikumpulkan melalui 3 instrumen iaitu melalui ujian pra dan ujian pasca, borang soal selidik dan 10 soalan temubual yang dilakukan ke atas 3 orang murid daripada 2 kategori berbeza iaitu lemah dan sederhana. Hasil analisis data mendapati bahawa terdapat peningkatan gred dalam ujian pos berbanding ujian pra. Melalui instrumen borang soal selidik pula mendapati bahawa murid-murid amat berminat terhadap pengajaran menggunakan kaedah persembahan PowerPoint. Instrumen temubual pula menunjukkan terdapatnya perubahan positif kepada pandangan serta minat mereka terhadap subjek Sains. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kaedah persembahan PowerPoint adalah berkesan bagi meningkatkan kefahaman murid dalam mempelajari Sains.

Kata Kunci: Powerpoint, penguasaan konsep Sains, murid Tahun 5

ABSTRACT

Action research was conducted to evaluate the effectiveness of use of PowerPoint in Year 5 students improve their mastery concept in Science subjects. Respondents in this study consisted of three students from Year 5 where 3 pupils had failed in Science subjects for previous Primary School Curriculum Assessment (PKSR). Data collected through 3 instruments which are the pre and post test, questionnaires and 10 interviews conducted over 3 pupils from two different categories of weak and moderate. Result of this analysis found that there was an increase in the grade of the post test than pre test. Through the questionnaire instrument was found that the students are so interested in teaching using PowerPoint presentations. Instruments interviews showed that there were positive changes to their views and their interest in the subject of Science. The results showed that the method is effective PowerPoint presentations to enhance understanding of the students in learning science.

Keywords: Powerpoint, mastery concepts in Science, Year 5 students

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih opsyen Sains telah menjalani praktikum Fasa III di SK Ong Tiang Swee selama tiga bulan yang terletak di kawasan bandar raya Kuching, Sarawak. Saya telah diamanahkan untuk mengajar kelas Tahun 4 Pintar dan kelas Tahun 5 Cerdik untuk subjek Sains. Tahun 5 Cerdik merupakan kelas aliran lemah. Walaupun hanya terdapat 17 orang murid di dalam kelas di mana 12 orang murid lelaki dan 5 orang murid perempuan, saya dapati kebanyakan murid menghadapi masalah dalam memahami dan menguasai konsep Sains bagi sesuatu topik. Mereka turut menunjukkan rasa kurang minat dalam pembelajaran mata pelajaran tersebut. Marzano (2003) menyatakan tindakan guru dalam bilik darjah mempunyai dua kali ganda impak dalam pencapaian murid. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab sebagai seorang guru menyediakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang efektif bagi mengelakkan murid yang lemah daripada ketinggalan dalam pembelajaran mereka.

Fokus Kajian

Bagi murid-murid yang lemah, Sains merupakan satu mata pelajaran yang susah serta kurang diminati. Mengikut cara tradisional, guru-guru hanya mengajar dan memberi ilmu pengetahuan secara lisan. Bagi sesetengah topik, bahan-bahan sebenar juga agak sukar untuk dibawa ke kelas. Contohnya, topik "Food Chain and Food Web", agak sukar bagi guru membawa haiwan sebenar ke dalam kelas sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran. Murid-murid menjadi bosan akibat mendengar dan melihat pada kandungan buku sepanjang masa. Oleh demikian kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah perlu bagi meningkatkan pengetahuan dan penguasaan serta pemahaman mereka terhadap sesuatu konsep dan seterusnya memupuk minat murid terhadap Sains.

Murid-murid di dalam satu kelas mempunyai kebolehan dan potensi yang berbeza. Murid yang cerdas dapat belajar dan menyelesaikan latihan dengan lebih cepat mengikut tahap pemahaman mereka. Murid yang lemah lambat untuk mempelajari walaupun topik yang senang apatah lagi topik yang sukar. Oleh itu, tumpuan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu murid lemah dan menarik minat mereka harus dilaksanakan. Menurut Yakop (1985), kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan Media (*PowerPoint*) ini boleh digunakan untuk mengatasi masalah murid yang mempunyai kebolehan dan potensi yang berbeza.

Kaedah pembelajaran berbantuan Media iaitu *PowerPoint* dapat mengatasi masalah guru dalam mengajar murid-murid yang lemah. Menurut Jean Piaget (1950), kecerdasan adalah kebolehan individu berfikir atau menaakul dalam usahanya menyesuaikan diri dengan persekitaran. Kalat (1999) berpendapat kecerdasan adalah gabungan antara kebolehan umum dan kemahiran praktis. Pembelajaran berbantuan *PowerPoint* dapat memberi peluang kepada murid belajar dan memahami konsep Sains mengikut keupayaan diri. Menurut Rashidi (1986), kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan *PowerPoint* ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baru dan suasana pembelajaran yang sihat serta seronok untuk murid. Memandangkan *PowerPoint* merupakan perisian yang berkualiti dan penggunaan media ini semakin popular dalam bidang

pendidikan, kaedah ini wajar dijalankan bagi meninjau keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bagi mengenalpasti:

- a) Penggunaan *PowerPoint* boleh menjadi alat pengajaran yang berkesan.
- b) Terdapat peningkatan dalam pencapaian akademik murid dalam Sains selepas didedahkan dengan pengajaran berbantuan *PowerPoint*.
- c) Penggunaan *PowerPoint* boleh meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pelajaran Sains.
- d) Penggunaan *PowerPoint* boleh membantu murid-murid yang lemah dalam penguasaan konsep Sains.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan yang dapat dijawab ialah:

- a) Adakah penggunaan *PowerPoint* sesuai untuk menjadi alat pengajaran yang berkesan bagi murid-murid tahap lemah Tahun 5?
- b) Adakah penggunaan *PowerPoint* dapat meningkatkan pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran Sains.
- c) Adakah penggunaan *PowerPoint* dapat meningkat dan memupuk minat serta motivasi murid dalam pembelajaran Sains?
- d) Adakah penggunaan *PowerPoint* dapat membantu dalam penguasaan konsep Sains di kalangan murid?

TINJAUAN LITERATUR

Media adalah sebuah alat yang mempunyai fungsi menyampaikan pesan (Bovee, 1997). Media pembelajaran adalah sebuah alat yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat pembelajaran. Pembelajaran adalah sebuah proses komunikasi antara murid, guru dan bahan ajar. Komunikasi tidak akan berjalan tanpa bantuan alat penyampai maklumat atau media.

Media pengajaran dan pembelajaran yang baik harus memenuhi beberapa syarat. Media pembelajaran harus meningkatkan motivasi pelajar. Penggunaan media mempunyai tujuan memberikan motivasi kepada pelajar. Selain itu media juga harus merangsang murid mengingat apa yang sudah dipelajari selain memberikan rangsangan untuk belajar ilmu baru. Media yang baik juga akan mewujudkan murid yang aktif.

Menurut Leong Mei (1998), kelebihan penggunaan komputer (*PowerPoint*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara umumnya ialah

1. Paparan Menarik

Kombinasi warna dan muzik yang tepat menghasilkan paparan yang menarik. Penggunaan permainan dan susunan teks yang teratur akan memberikan persembahan yang menarik. Semua ini dapat menghasilkan cara pembelajaran yang berkesan.

2. Sikap Positif

Perisian ini mempunyai ciri interaksi dengan murid secara tidak langsung dapat memotivasi murid menjadi aktif. Ini dapat mengatasi sikap murid yang negatif dan menggalakkan murid mengambil bahagian dalam perhubungan pelajaran.

3. Membantu Murid Lemah
Murid yang lemah boleh belajar mengikut keupayaannya. Murid boleh mengulangkaji pelajaran sehingga berjaya memahami konsep-konsep yang diajar.
4. Membantu Dalam Pemahaman
Bantu murid faham dengan cepat. Ini kerana penggunaan grafik, animasi, warna, muzik, simulasi dan dialog akan mempercepatkan lagi proses pemahaman perkara-perkara atau konsep-konsep yang ingin disampaikan dengan berkesan.
5. Jangka Masa Pendek
Seorang murid berupaya memahami sesuatu konsep dengan kaedah pembelajaran berbantuan *PowerPoint* berbanding konvensional. Ini kerana penggunaan *PowerPoint* berupaya memberi motivasi dalam pembelajaran pelajar.
6. Mutu dan Perhatian
Penggunaan *PowerPoint* membantu tugas yang biasanya dilakukan oleh guru. Perhatian yang lebih dapat diberikan kepada kepekaan seseorang murid. Guru mempunyai masa yang lebih untuk memperbaiki mutu bahan murid serta merancang dan menghasilkan perisian yang lebih baik untuk kesesuaian pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap murid-muridnya.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di SK. Ong Tiang Swee di Bandar Kuching, negeri Sarawak. Sekolah ini mempunyai sesi pagi dan sesi pentang. Kajian dijalankan semasa kelas sesi pagi di mana murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 menghadiri ke sekolah. Tahun 5 dibahagi kepada 3 kategori iaitu Pandai, Sederhana dan Lemah iaitu 5 Bijak, 5 Pintar dan 5 Cerdik. Kajian dijalankan di kelas 5 Cerdik di mana 2 orang murid perempuan dan 1 orang murid lelaki diambil sebagai sampel kajian.

Etika Penyelidikan

Dalam usaha menjadi seorang penyelidik, saya telah bertemu dengan pihak sekolah serta guru pembimbing untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan penyelidikan tindakan di sekolah. Pihak institut juga telah menghantar surat maklum kepada pihak sekolah untuk meminta kebenaran menjalankan penyelidikan ini. Peserta kajian diberitahu bahawa segala jawapan dan respon mereka tidak akan diubahsuai dan dipalsukan demi kepentingan diri saya atau pihak lain. Mereka dimaklumkan berhak membaca laporan penyelidikan tindakan yang saya hasilkan bagi tujuan penyemakan.

Teknik Mengumpul Data

Dalam melaksanakan penyelidikan tindakan saya, kaedah yang digunakan semasa mengumpul data ialah ujian pos dan ujian pra. Ujian pra diberi kepada murid selepas guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran tanpa menggunakan *PowerPoint*. Ujian pos pula diberikan selepas pengajaran dan pembelajaran Sains dijalankan dengan menggunakan *PowerPoint*. Markah yang diperolehi daripada kedua-dua ujian akan dibandingkan.

Teknik seterusnya ialah lembaran kerja murid. Seperti ujian pos dan ujian pra, lembaran kerja pertama diberi kepada murid selepas guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran tanpa menggunakan *PowerPoint*. Lembaran kerja kedua diberi selepas pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan menggunakan *PowerPoint*. Ke kerapannya murid membuat kesalahan untuk kedua-dua lembaran kerja akan dibandingkan.

Menurut Chuah Kim Hwa (2007), temu bual merupakan satu kaedah yang membolehkan seseorang penyelidik mendapat maklumat kajian secara mendalam kerana melibatkan hubungan bersua muka berlangsung (*face-to-face*) dengan peserta kajian. Sebanyak sepuluh soalan temu bual telah ditujukan kepada peserta kajian.

Borang soal selidik diedarkan selepas pelaksanaan penyelidikan kajian. Saya telah mengira bilangan peserta yang memilih kriteria yang sama dalam borang tersebut. Borang ini membolehkan saya mengetahui minat, kefahaman dan kesesuaian murid terhadap penggunaan kaedah *PowerPoint* dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, catatan lapangan dibuat melalui pemerhatian sepanjang penyelidikan tindakan. Catatan lapangan ini dibuat terhadap perubahan tingkah laku bukan lisan murid di dalam kelas sebelum, semasa dan selepas penggunaan kaedah *PowerPoint* digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Akhir sekali bagi meningkatkan kredibiliti penyelidikan kajian yang dibuat, komen-komen daripada guru pembimbing dan pensyarah pembimbing dalam borang penilaian dikenalpastikan dan dirujuk sebagai bukti.

Teknik Menganalisis Data

Dalam menganalisis kandungan data yang dikumpul, saya meneliti data yang diperolehi dengan membuat tanda seperti garisan atau bulatan berwarna merah tentang perkara yang penting yang berkaitan dengan fokus kajian saya. Selepas tanda dibuat pada perkara yang penting yang diperlukan, saya merujuk balik perkara yang telah ditandakan dan mengkategorikan data dalam kategori yang sesuai sebelum dianalisis.

Selepas itu, saya menganalisis secara pola perkara yang saya perhatikan dalam data yang diperolehi dari penyelidikan tindakan saya dan membuat catatan dalam bentuk jadual. Data yang diperolehi turut dianalisis dalam bentuk graf bar bagi membandingkan pola perbezaan.

Teknik Menyemak Data

Mengikut keperluan penyelidikan tindakan, triangulasi kaedah dan triangulasi sumber telah digunakan untuk menilai kesahan kajian yang dilakukan. Bagi triangulasi kaedah, borang matriks telah digunakan untuk membandingkan sumber data yang dikumpul melalui Ujian pra dan pos, temubual, catatan lapangan, borang soal selidik dan borang maklum balas. Perbandingan ini membantu pengkaji menyemak kredibiliti data yang diperolehi. Dalam triangulasi sumber, rakan penyelidik iaitu Ling (nama samaran) juga terlibat bersama untuk tujuan menyemak data. Dengan ini, data atau perkara penting yang terlepas oleh


pengkaji dapat dielakkan . Ia juga meningkatkan kredibiliti data yang dianalisis oleh pengkaji. Lembaran kerja 2 bagi subjek A, subjek B dan subjek C disemak sekali lagi oleh Ling (nama samaran).

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

a) Adakah penggunaan *PowerPoint* dapat meningkatkan pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran Sains?

Selain mendapat maklumat daripada guru pembimbing berkaitan dengan prestasi akademik bagi murid, saya turut membuat tinjauan sendiri. Setelah mengajar tanpa menggunakan *PowerPoint* bagi topik "Food Chain and Food Web", ujian pra telah diberi kepada murid. Saya dapati murid melakukan banyak kesalahan walaupun soalan senang. Ini menunjukkan murid lemah dalam menguasai konsep Sains. Setelah kaedah penggunaan *PowerPoint* digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, murid telah menunjukkan peningkatan dalam ujian pos. Graf bar 1 menunjukkan perbezaan markah yang didapati bagi ujian pra dan ujian pos di mana hasil dapatan diambil daripada 3 orang sampel kajian.



Rajah 1. Graf perbandingan markah ujian pra dan ujian pos.

b) Adakah penggunaan *PowerPoint* sesuai untuk menjadi alat pengajaran yang berkesan bagi murid-murid tahap lemah Tahun 5?

Borang penilaian merupakan penilaian dan komen yang diberi oleh guru pembimbing dan pensyarah pembimbing terhadap pengajaran pengkaji. Komen-komen daripada guru pembimbing telah menunjukkan bahawa keberkesanan *PowerPoint* terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan ke atas murid. Rajah 1 menunjukkan penilaian dan komen yang telah diberi oleh guru pembimbing di mana beliau telah menyatakan penggunaan gambar dan video yang menarik dapat membantu murid menguasai hasil pembelajaran.

BORANG BIMBINGAN PRAKTIKUM (PR1)							
Silalahutikan angka yang berkenaan							
Komponen	Aspek	Tahap					Ulasan
(A) PERANCANGAN	a. Hasil pembelajaran	1	2	3	4	5	- hasil pembelajaran mendapatkan suksess - penggunaan sumber (video) - membantu murid mengenal hasil pembelajaran - dan di P.T.P
	b. Isi pelajaran	1	2	3	4	5	
	c. Strategi pengajaran pembelajaran	1	2	3	4	5	
	d. Sumber pengajaran pembelajaran	1	2	3	4	5	
	e. Penerapan nilai	1	2	3	4	5	
	f. Unsur kemahiran berfikir (KB)	1	2	3	4	5	
(B) PELAKSANAAN	a. Pemulaan	1	2	3	4	5	- pemulaan menarik dan di bawakan dengan pengalaman murid - guru boleh menengah melambatkan dan di bawakan dengan Catherine dan bawakan ly. - aplikasi nilai ada dibawakan secara spontan. Baik - Ada usaha dalam membina perangsang - kepada murid - berkesan usaha dalam meningkatkan kepercayaan beliaukan dan Syabas.
	b. Perkembangan pengajaran	1	2	3	4	5	
	c. Penggunaan bilik darjah	1	2	3	4	5	
	d. Komunikasi	1	2	3	4	5	
	e. Kualiti pembelajaran	1	2	3	4	5	
	f. Penutup	1	2	3	4	5	
	g. Pencapaian hasil pembelajaran	1	2	3	4	5	
	h. Aplikasi nilai	1	2	3	4	5	
(C) AMALAN REFLEKSI	a. Pemikiran reflektif	1	2	3	4	5	- berkesan usaha dalam meningkatkan kepercayaan beliaukan dan Syabas.
	b. Catatan reflektif	1	2	3	4	5	
	c. Pembinaan portfolio	1	2	3	4	5	
(D) Sikap DAN SAHSIAH	a. Penampilan diri	1	2	3	4	5	- kepatuhan berans sewa dengan - di bawakan dengan - ada usaha dalam membina perangsang - kepada murid.
	b. Keprihatinan	1	2	3	4	5	
	c. Pekerti	1	2	3	4	5	
	d. Sifat Profesional	1	2	3	4	5	
(E) ULASAN KESELURUHAN :							
1) Tindakan sebelum dan video yang menarik dan mudah difahami							
2) sebagai intansi suasa dalam pengajaran							
3) Penyediaan EPH yang lengkap, syabas dan berkesan							
4) Mera dan sakan dengan berkesan murid yang aktif							
5) Menerangkan dan berkesan murid yang aktif							
6) dan dan berkesan murid yang aktif							

Rajah 2. Borang penilaian guru pembimbing.

c) Adakah penggunaan *PowerPoint* dapat meningkat dan memupuk minat serta motivasi murid dalam pembelajaran Sains?

Catatan nota lapangan saya terhadap tiga orang murid Tahun 5 cerdas sebelum, semasa dan selepas kaedah penggunaan *PowerPoint* telah menunjukkan bahawa ia berupaya meningkat dan memupuk minat serta motivasi murid dalam pembelajaran Sains.

Sebelum kajian:

Murid-murid telah menunjukkan tingkah laku bukan lisan yang negatif semasa guru sedang mengajar. Tingkah laku bukan lisan ini adalah seperti bermuka masam, posisi badan sama dan kaku serta lentok badan sepanjang masa. Semua ini menunjukkan murid tidak berminat, tidak menumpu perhatian dan bosan terhadap pengajaran guru. Rajah 3 menunjukkan pemerhatian saya terhadap murid sebelum kajian dijalankan.

Tarikh	8 Februari 2012
Masa	1035am-1135am
Catatan:	
Pengajaran dan pembelajaran dijalankan tanpa penggunaan <i>PowerPoint</i> . Beberapa kelemahan wujud semasa guru sedang mengajar. Kelemahan pertama ialah ekspresi muka murid-murid. Murid bemuka masam . Mereka tidak menunjukkan minat yang tinggi dalam pembelajaran Sains. Posisi badan murid sama dan kaku sepanjang waktu. Ada murid yang lentok badan mahupun dalam posisi duduk atau berdiri.	

Rajah 3. Catatan nota lapangan saya sebelum kajian.

Semasa Kajian:

Murid-murid mula menunjukkan tingkah laku yang positif semasa kajian saya seperti yang dicatatkan dalam nota lapangan seperti Rajah 4 di bawah.

Tarikh	14 Februari 2012
Masa	1035am-1135am
Catatan: Murid menolong guru memasang laptop serta LCD bagi memulakan kelas. Semua murid duduk dalam posisi bersedia dan tengok pada paparan slaid PowerPoint . Murid menumpu perhatian dan gembira kepada video dan gambar yang ditampilkan.	

Rajah 4. Catatan nota lapangan saya semasa kajian.

Mereka mula menolong guru memasang laptop serta LCD. Ini menunjukkan mereka ingin memulakan pengajaran dan pembelajaran saya dengan segera. Murid sudah lama bersedia menggambarkan mereka minat dalam mata pelajaran Sains. Perasaan gembira murid pula menunjukkan Sains bukan lagi satu mata pelajaran yang membosankan bagi mereka. Rajah 3 menunjukkan contoh catatan lapangan semasa kajian saya pada 21 Februari 2012.

Selepas Kajian:

Murid-murid telah menunjukkan perubahan tingkah laku yang ketara selepas penggunaan *powerpoint* dalam pengajaran saya seperti yang dicatatkan dalam nota lapangan saya seperti Rajah 5 di bawah.

Tarikh	21 Februari 2012
Masa	1035am-1135am
Catatan: Murid bekerjasama dalam kumpulan untuk menyiapkan latihan yang diberi oleh guru. Murid yang tahu menjawab soalan akan mengajar mereka yang tidak faham . Mereka gembira semasa membuat latihan Sains.	

Rajah 5. Catatan nota lapangan selepas kajian.

Mereka berupaya bekerjasama menyiapkan latihan yang diberi dan saling menolong. Perbincangan dalam kumpulan dijalankan dalam keadaan yang gembira sesama ahli kumpulan. Ini menunjukkan kaedah penggunaan *PowerPoint* telah membantu murid dalam memahami konsep sesuatu topik dan menolong mereka menjawab soalan. Murid gembira semasa membuat latihan menunjukkan mereka minat dalam mata pelajaran Sains.

d) Adakah penggunaan PowerPoint dapat membantu dalam penguasaan konsep Sains di kalangan murid?

Murid telah menunjukkan kemajuan dalam lembaran kerja yang dibuat sebelum dan selepas penggunaan kaedah PowerPoint dalam pengajaran dan pembelajaran. Graf 2 menunjukkan jumlah kesalahan pada lembaran kerja 1 dan lembaran kerja 2 di mana lembaran kerja 1 dibuat oleh sampel kajian sebelum penggunaan kaedah PowerPoint manakala lembaran kerja 2 dibuat selepas penggunaan kaedah PowerPoint.



Rajah 6. Graf jumlah kesalahan lembaran kerja.

Analisis daripada graf 2 menunjukkan bahawa kesalahan pada lembaran kerja 2 lebih sedikit berbanding dengan kesalahan pada lembaran kerja 1 iaitu perbezaan sebanyak 6 kesilapan. Kaedah penggunaan PowerPoint sememangnya telah membantu murid dari segi akademik mereka.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama semua yang terlibat sepanjang empoh pelaksanaan penyelidikan tindakan kajian saya. Subjek kajian amat menepati masa apabila saya ingin menemu bual mereka. Mereka turut menyiapkan segala tugas yang telah diberi dengan penuh ikhlas. Selain itu, pihak sekolah telah memberi kebenaran terutamanya guru pembimbing setiap kali saya ingin menjalankan sesuatu aktiviti. Sebagai contoh, guru pembimbing mengizinkan murid untuk berjumpa dengan saya apabila diperlukan. Dengan pertolongan dan kerjasama dari semua pihak, penyelidikan tindakan saya dapat disiapkan.

Setelah menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya dapat menyelami dan menyedari kepentingan isu etika. Ini adalah disebabkan semasa saya ingin mengambil gambar proses penglibatan peserta kajian, saya telah terlebih dahulu meminta kebenaran daripada mereka sebelum berbuat demikian. Saya telah memberi kata janji kepada peserta kajian saya bahawa identiti mereka akan dirahsiakan dan perkongsian maklumat hanya dalam komuniti yang terlibat dalam penyelidikan tindakan.

Selain penggunaan kaedah PowerPoint dalam pengajaran dan pembelajaran dalam membantu murid menguasai konsep Sains seterusnya memupuk minat murid terhadap Sains, saya juga telah menyedari kemahiran komunikasi guru. Selain penggunaan PowerPoint dalam pengajaran dan pembelajaran, semasa memberi penjelasan suara guru perlu jelas, nada serta intonasi suara yang sesuai, perkataan-perkataan yang mudah apabila berkomunikasi dengan murid-murid.

Dengan ini, penggunaan kaedah *PowerPoint* dalam pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih efektif.

Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya

Sekiranya saya ditempatkan di sekolah ini apabila menjadi guru baharu, saya akan memantapkan lagi kaedah penggunaan *PowerPoint* dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid sekolah tersebut. Saya akan cuba menghasilkan *PowerPoint* yang lebih baik di mana dapat menarik minat semua murid. Di samping itu, saya juga akan memperkenalkan kaedah lain kepada murid saya untuk membandingkannya dengan kaedah penggunaan *PowerPoint*. Saya akan mengubah strategi pengajaran saya sekiranya mendapati bahawa kaedah lain lebih berkesan untuk digunakan untuk murid-murid sekolah tersebut.

Rujukan

- Bovee, Courland. (1997). *Business Communication Today*, Prentice Hall: New York.
- Davis, Ben. (1991). *Teaching with Media*, a paper presented at Technology and Education Conference in Athens, Greece.
- Foong Mun Choy. (2002). *Perisian Pengajaran-Pembelajaran Berbantuan Komputer(PBK) bagi topik Tajuk Asas Nombor Tingkatan 4*. Latihan ilmiah Fakulti Pendidikan. UKM.Bangi
- Idris, Nuny S. (1999). *Ragam Media Dalam Pembelajaran BIPA*. A Paper presented at KIPBIPA III, Bandung.
- Jonassen, David H. (1996). *Computer as a Mindtools for Schools*. Prentice Hall. New Jersey.
- Lee, Kwuang-wu. (2000). *English Teachers' Barriers to the Use of Computer-assisted Language Learning*. The Internet TESL Journal, Vol. VI, No. 12, Diperoleh Julai 14, 2012 dari <http://www.aitech.ac.jp/~iteslj/>
- Long Siew Fun. (2002). *Pembinaan Perisian Pengajaran-Pembelajaran Berbantuan Komputer(PBK) dalam Topik Pecahan Bagi Matematik Tingkatan 1*. Latihan ilmiah Fakulti Pendidikan. UKM.Bangi
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib. (1995). *Pengajaran dalam bilik darjah: Kaedah dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.
- Siti Rohayu Abdul Karim. (2000). *Persepsi Pelajar Tingkatan 4 Terhadap Keberkesanan Penggunaan PowerPoint dalam Pembelajaran Kimia di SMK Munshi Abdullah Melaka*. Tesis Sarjana UKM Bangi.